

04 NOV 1998

GOH TEMUI DR MAHATHIR DI KUALA LUMPUR ESOK

SINGAPURA, 4 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Goh Chok Tong akan menemui rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur esok.

Kenyataan satu perenggan dari pejabat Goh lewat malam ini berkata beliau akan melakukan lawatan sehari ke Kuala Lumpur esok atas jemputan Dr Mahathir "bagi menyambung perbincangan yang telah diadakan di Johor Baharu pada 18 April 1998."

Dalam pertemuan itu, kedua-dua pemimpin telah menekankan perlunya kerjasama yang lebih erat terutamanya semasa krisis kewangan Asia dan pentingnya hubungan dua hala yang harmoni.

Hubungan antara Malaysia dan Singapura tegang sejak beberapa bulan lepas berikutan pelbagai isu, di antaranya perbalahan berkaitan pusat pemeriksaan imigresen di stesen kereta api Tanjong Pagar, wang simpanan pencen pekerja Malaysia di Singapura dan permintaan tambahan bekalan air oleh Singapura.

Bekas Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew, sekarang Menteri Kanan, juga menimbulkan kontroversi dalam memoirnya yang dilancarkan pada bulan September, yang mengkritik bekas pemimpin Malaysia.

Kementerian Pertahanan Malaysia juga mendakwa pencerobohan ruang angkasa Malaysia yang dilakukan oleh pesawat tentera udara negara itu, tetapi kesemua dakwaan itu disangkal.

Bagaimapapun kedua-dua pihak telah meyarakan kesediaan untuk memperbaiki berbezaan yang wujud.

Dr Mahathir berkata minggu lepas hubungan "rapuh" antara kedua-dua negara telah bertambah baik dan beliau mempunyai hubungan "kukuh" dengan Goh.

Goh memberikan reaksi bahawa Singapura berminat untuk memperbaiki hubungan dan beliau dapat merasakan kedua-dua negara mahu berbuat demikian. Beliau juga berkata kedua-dua negara mahukan hubungan yang baik.

Kali terakhir kedua-dua pemimpin itu bertemu pada bulan April semasa upacara merasmikan laluan kedua antara kedua-dua negara, Goh juga melawat melawat Kuala Lumpur Februari lepas.

-- BERNAMA

TCL RI